

Menjana Pemikiran Kritis Murid Berdasarkan Model Stenhouse

Faizal Mohamed Yusoff

faizal_b_mohamed_yusoff@schools.gov.sg

Sekolah Rendah Telok Kurau

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji keberkesanan menjana pemikiran kritis murid berdasarkan Model Stenhouse sebagai persiapan untuk penilaian lisan. Subjek kajian melibatkan murid-murid Darjah 4 melebihi aras kebolehan selama setahun. Murid-murid diberikan lapan topik perbincangan setiap bulan dan digalakkan untuk berfikir dengan kritis secara kolaboratif. Murid-murid memberikan respons berdasarkan pengalaman peribadi mereka dalam suasana yang selamat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Model Stenhouse dapat menggalakkan murid menjana idea kritis berdasarkan soalan-soalan yang merangsang pemikiran mereka. Murid-murid didapati berasa selesa berkongsi pendapat mereka bersama kelas dengan lancar.

Kata Kunci: Model Stenhouse, pemikiran kritis, perbincangan, kolaboratif

PENGENALAN

Pemikiran kritis merupakan salah satu aspek kemahiran yang penting bagi murid pada abad ini. Kemahiran ini harus didedahkan kepada murid-murid di peringkat awal persekolahan kerana ia akan membantu mereka membuat kaitan dengan apa yang mereka pelajari di dalam kelas. Murid-murid perlu diberikan ruang yang mencukupi agar proses pemikiran kritis ini dapat berjalan dengan berkesan di dalam bilik darjah. Guru juga perlu mencungkil pengetahuan sedia ada murid dengan mengadakan perbincangan secara kerap.

Model Stenhouse menggalakkan guru untuk mengajukan soalan-soalan yang memerlukan murid-murid untuk berfikir dengan lebih kritis tentang sesuatu topik. Peranan guru dalam menjana pemikiran kritis murid amat penting kerana guru mampu membuat murid-murid terbiasa dengan proses berfikir serta menjawab soalan-soalan yang pelbagai. Model ini menyarankan agar guru menjalankan perbincangan di kelas seperti yang disarankan Stenhouse (1969). Tujuan utama bagi pendekatan ini adalah untuk memastikan murid-murid tidak teragak-agak untuk memberikan pendapat mereka apabila berbincang tentang sesuatu topik mahupun isu semasa di dalam bilik darjah.

Menurut Profesor Emeritus John Elliott dari Universiti East Anglia, United Kingdom, dalam salah satu sesi perkongsian di perhimpunan WALIS di Universiti Nagoya, Jepun pada 2017, beliau perhatikan bahawa murid-murid Asia masih memerlukan ruang dan galakan apabila terlibat dalam perbincangan di dalam bilik darjah. Isu-isu yang dikupas oleh guru juga harus selari dengan peredaran masa agar kemahiran berfikir ini dapat membantu murid-murid menjadi pemikir kritis pada hari muka. Menurut beliau, banyak lagi usaha yang boleh dilaksanakan agar murid-murid menjadi pemikir kritis yang berkesan. Beliau menyarankan para hadirin untuk meneliti Model Stenhouse sebagai satu wadah untuk menggalakkan murid melakukan aktiviti perbincangan secara efektif di dalam bilik darjah.

Berdasarkan penelitian Profesor Emeritus John Elliott ini, guru-guru di Sekolah Rendah Telok Kurau mendapati bahawa murid-murid kurang memberikan respons yang menyeluruh apabila menjawab soalan-soalan



rangsangan ketika penilaian lisan dijalankan biarpun guru telah mencuba merangsang murid agar interaksi dua hala dapat diwujudkan. Respons murid yang tidak lengkap ternyata menghambat prestasi mereka secara keseluruhan. Murid-murid yang menjadi subjek kajian mempunyai pengalaman peribadi berkaitan dengan topik yang diberikan namun mereka kurang mahir untuk mengolah isi dengan baik. Mereka juga didapati tidak berfikir secara mendalam apabila menjawab sesuatu soalan yang dikemukakan.

PERNYATAAN MASALAH

Murid-murid sering didapati tidak yakin dan tidak lancar dalam memberikan respons semasa ujian lisan. Respons yang diberikan juga tidak padat kerana tidak disertakan dengan pendapat peribadi. Selain itu, mereka juga tidak mampu berinteraksi dengan guru dengan baik. Masalah yang dialami mereka ini sedikit sebanyak menghambat prestasi mereka dalam bahasa Melayu memandangkan kadar peratusan bagi kemahiran bertutur merangkumi sebanyak 25 peratus daripada keseluruhan kertas bahasa Melayu sungguhpun mereka mahir dalam kemahiran yang lain

Nisbett (2003) mendapati bahawa amalan sosial seseorang itu mampu mempengaruhi tabiatnya untuk berfikir. Maka itu, penting untuk murid, selaku calon ujian menggunakan pengalaman peribadi mereka untuk mengetengahkan respons mereka dengan baik serta bermutu. Kaitan dengan pengalaman peribadi mereka juga mampu mempengaruhi respons mereka ketika menjawab soalan.

Murid-murid juga didapati memberikan respons mudah tanpa sebarang hujahan dan pemikiran yang kritis sungguhpun topik yang diberikan dekat dengan diri mereka. Topik-topik yang diberikan termasuklah pengalaman mereka apabila meluangkan masa bersama kawan-kawan di sekolah, sewaktu makan di kantin sekolah atau pelibatan harian mereka dalam aktiviti di sekolah. Murid juga didapati tidak yakin untuk memberikan pendapat peribadi mereka dengan sejujurnya kerana khuatir respons mereka itu tidak akan diambil kira oleh pemeriksa. Masalah ini menyebabkan murid memberikan respons dalam bentuk ayat yang tidak lengkap serta isi yang tidak menarik.



TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. menjana pemikiran kritis dalam kalangan murid-murid agar mereka dapat memberikan respons yang berkualiti sewaktu perbincangan di dalam kelas; dan
2. melahirkan murid-murid yang dapat berfikir dengan sendiri.

KAJIAN LEPAS

Pemikiran kritis disimpulkan oleh ramai pendidik sebagai salah satu kemahiran yang amat penting dalam kehidupan murid-murid kerana kemahiran ini dapat membantu mereka untuk menjadi pemikir kritis yang mampu menyumbang kepada ekonomi negara serta masyarakat amnya pada masa hadapan. Pemikiran kritis juga bukan sahaja berakhir di bilik darjah tetapi mampu membantu mereka untuk menyelesaikan sesuatu masalah dengan lebih baik serta berstruktur.

Chatfield (2018) menyatakan bahawa tujuan utama dalam pemikiran kritis adalah untuk membantu kita mempelajari selok belok tentang sesuatu perkara. Beliau menambah bahawa pemikiran kritis memerlukan seseorang itu memahami apakah yang sebenarnya berlaku dengan meneliti maklumat, idea dan perbincangan yang berkaitan dengan sesuatu isu. Ini kemudian diikuti dengan berfikir dengan lebih mendalam lagi tentang proses berfikir.

Untuk memastikan masa yang diperuntukkan di dalam kelas digunakan dengan sebaik mungkin, guru harus menjalankan perbincangan tentang sesuatu masalah atau isu dengan berkesan. Bono (1998) berpendapat bahawa jika sesuatu perkara itu bukan sebuah masalah, perkara tersebut tidak wajar diberikan peruntukan masa.

Thorpe (2015) menyatakan bahawa sesiapa sahaja mampu berfikir seperti saintis tersohor Albert Einstein tanpa mengambil kira kematangan, pengalaman mahupun tahap pendidikan seseorang. Pernyataan ini jelas



menggambarkan betapa pentingnya proses berfikir itu perlu diperkenalkan kepada murid-murid apabila mereka masih kecil lagi kerana pendekatan ini akan menjadikan mereka pemikir yang kritis pada masa hadapan.

Bailey & Black (2016) merumuskan bahawa cara seseorang berfikir tentang perkara-perkara di sekeliling mereka ternyata menjejaskan bagaimanakah sesuatu perkara itu diselesaikan. Beliau membuat perbandingan bagaimana seorang individu yang optimis dan pesimis mengalami dua pengalaman yang berbeza sungguhpun mereka melalui peristiwa yang sama. Boleh kita huraikan juga bahawa pendedahan kepada sesuatu pengalaman itu amat penting dalam kehidupan manusia. Setiap pengalaman itu sedikit sebanyak meninggalkan kesan ke atas mereka. Kesan tersebut pula mampu mengubah haluan hidup mereka berdasarkan pilihan yang diambil mereka.

Munurut Livio (2017) pula, sifat ingin tahu manusia sedikit sebanyak dapat membantu kehidupan manusia dan pemahaman tentang keadaan sekeliling dapat mengurangkan ramalan yang kurang tepat. Justeru jika murid-murid dibekalkan dengan kemahiran pemikiran kritis yang mantap, mereka dapat menyumbang kepada masyarakat kelak.

Berdasarkan kajian lepas yang dijadikan rujukan, pengkaji akur bahawa pemikiran kritis itu merupakan satu aspek kehidupan yang sangat penting. Pemikiran kritis itu perlu ada dalam diri seseorang agar mereka boleh menjadi individu yang dapat menyelesaikan sesuatu masalah dengan baik. Cara terbaik untuk mendedahkan pemikiran kritis ini pula perlu dilakukan apabila murid-murid berada di bangku sekolah agar mereka dapat mempertimbangkan baik buruk mahupun risiko tentang sesuatu masalah. Apabila mereka mampu melihat kepada sesuatu masalah itu dengan jelas, ini akan membuat murid-murid lebih bersedia menghadapi masalah serta mencari penyelesaiannya.

KAEDAH KAJIAN

Pengajaran dan pembelajaran (PdP) pemikiran kritis ini dijalankan setiap bulan selama lapan sesi dengan tujuan agar murid dapat membiasakan diri. Setiap sesi yang berlangsung selama 20 minit akan digunakan untuk membincangkan



topik yang berkaitan dengan isu semasa. Semasa perbincangan, murid-murid dikehendaki untuk . menulis respons mereka di kertas sebak sebelum dikongsi bersama rakan sekelas menerusi perkongsian kelas.

Bagi setiap sesi yang dijalankan, guru akan memastikan persekitaran yang selamat dengan murid-murid sentiasa digalakkan untuk memberikan respons yang bermutu. Guru turut menunjukkan cara bagaimanakah interaksi yang baik dapat dilaksanakan agar murid-murid akur akan proses tersebut. Guru juga, menggalakkan murid-murid untuk berfikir dengan lebih mendalam agar idea dan respons mereka itu menjadi lebih menarik dan lengkap. Kaedah ini dapat membantu murid-murid bertutur dengan baik semasa berinteraksi dalam bahagian perbualan bagi penilaian lisan mereka.

Gabungan data kuantitatif dan kualitatif digunakan untuk kajian ini. Kedua-dua data ini diperolehi kerana saling melengkapi selain penting untuk melihat keberkesanan pendekatan Stenhouse terhadap pencapaian murid dalam peperiksaan. Guru turut membuat pemerhatian terhadap respons lisan serta bertulis murid agar mampu membuat kesimpulan yang jitu. Selain itu, hasil kerja murid sewaktu membuat pembentangan di dalam kelas turut diambil kira agar guru dapat mengenal pasti sebarang aspek kajian yang perlu diubah, jika ada sebarang kekurangan.

Guru diperlukan untuk menilai setiap pandangan murid secara adil dan saksama. Perbincangan yang dijalankan harus berkesan dan selari dengan nilai asas pendidikan iaitu bersikap rasional, imaginasi, kepekaan dan kesediaan untuk mendengar pandangan orang lain. Prinsip-prinsip genting ini ditekankan guru di bilik darjah.

Kajian ini menggunakan dua Aspek Pengajaran (AP) yang relevan dari Amalan Pengajaran Singapura (STP). Berikut merupakan perinciannya.



Jadual 1: Amalan Pengajaran Singapura

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	AP 19: Memudah Cara Pembelajaran Kolaboratif	AM 1: Perbincangan Papan Putih (<i>Whiteboarding</i>) Murid membincangkan tentang sesuatu isu yang diketengahkan bersama ahli kumpulan sebelum berkongsi respons mereka bersama rakan sekelas. Guru juga akan membimbing murid dengan mendapatkan mereka untuk bertanyakan beberapa soalan mengapakah mereka fikirkan demikian.
	AP 20: Menggunakan Soalan untuk Memperdalam Pembelajaran	AM 2: Mengepam (<i>Pumping</i>) Guru akan mendapatkan kumpulan pembentang untuk memberikan hujahan terperinci daripada perkongsian mereka. Pembentang akan memberikan sebab-sebab mengapa mereka berpendapat sedemikian ketika berkongsi respons mereka. Guru juga akan menggalakkan pelajar untuk menghuraikan hujahan mereka.

Kaedah kolaboratif digunakan untuk menggalakkan murid-murid bertukar-tukar pendapat sesama rakan sekelas mereka. Ini juga akan mendidik mereka untuk bekerjasama serta menghormati dan menghargai respons orang lain yang mungkin tidak selari dengan pandangan mereka.

Aktiviti mengajar ‘Mengepam’ pula membolehkan murid-murid untuk berfikir dengan mendalam lagi tentang respons yang diberikan. Soalan-



soalan yang diajukan guru juga akan menggalakkan murid untuk memberikan hujahan mereka selain membiasakan mereka untuk merenung akan respons yang diberi. Ruang ini akan membuat murid terbiasa apabila ditanya tentang pandangan mereka tentang sesuatu topik ataupun isu.

Subjek Kajian

Dalam kajian ini, subjek kajian terdiri daripada murid Darjah 4 Bahasa Melayu yang terdiri daripada murid yang mempunyai tahap melebihi aras kebolehan. Jumlah keseluruhan murid yang terlibat ialah 30 orang. Kumpulan ini dipilih sebagai subjek kajian untuk meningkatkan kemahiran berfikir mereka menjawab soalan lisan berdasarkan topik perbualan.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini merupakan rutin berfikir Fikir-Tanya-Teroka. Rutin ini digunakan di dalam bilik darjah agar dapat membantu murid untuk berfikir dengan berstruktur dan kritis berdasarkan topik perbincangan yang diberikan. Keupayaan murid dinilai melalui respons yang diberikan berdasarkan video dan soalan-soalan rangsangan yang diajukan guru. Berdasarkan soalan-soalan yang diajukan, murid dapat menjana idea untuk memahami isu yang dikupas serta menjawab soalan secara berstruktur dan kritis.

Prosedur Kajian

Kajian ini dijalankan selama lapan bulan dan setiap sesi dijalankan sebulan sekali selama 20 minit. Sesi ini dijalankan bersama murid-murid Darjah 4 sewaktu pelajaran bahasa Melayu. Sebelum sesi ini dijalankan, guru memaklumkan kepada ibu bapa tentang Model Stenhouse ini serta objektif kajian ini memandangkan guru inginkan kerjasama ibu bapa dalam kajian ini. Murid-murid pula turut dimaklumkan tentang kajian ini agar mereka akur akan tujuan kajian ini. Guru pula memaklumkan kepada mereka bahawa tujuan utama kajian ini adalah untuk menggalakkan mereka melibatkan diri dengan aktif apabila berinteraksi bersama teman-teman mahupun guru.



Sebelum kajian dijalankan secara formal, guru menjalankan satu sesi di dalam kelas dengan memberikan murid bimbingan agar sesi-sesi yang bakal dijalankan akan lebih teratur dan berstruktur. Reich (2017) turut menekankan kepentingan memberi bimbingan agar murid dapat mengenal pasti nilai imaginasi mereka selain menghargai idea murid yang akan dicatat dan dikongsi sebelum dicerakinkan pada penghujung perkongsian. Bimbingan kepada murid amat penting kerana guru inginkan murid-murid terbiasa dengan kaedah ini dan inginkan kesemua murid terlibat secara aktif ketika perbincangan dijalankan.

Sebanyak lapan buah topik diusulkan oleh kumpulan pengkaji berdasarkan isu semasa agar murid dapat membuat kaitan dengan topik tersebut. Murid-murid akan dimaklumkan tentang topik perbincangan sehari sebelum perbincangan dijalankan agar respons mereka lebih autentik. Guru turut menjelaskan sepintas lalu apakah yang ingin dicungkil apabila perbincangan dijalankan. Pengetahuan sedia ada murid penting kerana ini akan memastikan perbincangan dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Sekiranya guru tidak memberikan sebarang gambaran kepada murid-murid tentang topik perbincangan, ini akan menghambat proses perbincangan di dalam kelas. Guru juga akan menunjukkan klip video menerusi laman YouTube yang ada kaitan dengan topik perbincangan sebagai induksi. Topik-topik perbincangan yang dibincangkan bersama murid-murid adalah seperti yang terdapat dalam Jadual 1.

Jadual 1: Topik-topik Perbincangan Berdasarkan Pendekatan Stenhouse

Sesi	Bulan	Topik
1	Februari	Penggunaan Bahasa Melayu
2	Mac	Kepentingan Peperiksaan Sekolah
3	April	Negara Bijak
4	Mei	Hubungan Sesama Jiran
5	Julai	Bekalan Air di Singapura
6	Ogos	Masalah Buli di Sekolah
7	September	Gaya Hidup Sihat
8	Oktober	Menangani Stres

Nota: Sesi tidak dijalankan pada bulan Jun disebabkan cuti sekolah.

Pengkaji juga mengaplikasikan penggunaan Amalan Pengajaran Singapura (STP) dalam kajian ini. Bagi bahagian pelaksanaan pelajaran, pengkaji menerapkan dua Aspek Pengajaran (AP) iaitu Memudah Cara Pembelajaran Kolaboratif dan Menggunakan Soalan untuk Memperdalam Pembelajaran. Pengkaji menggunakan Aktiviti Mengajar (AM) Perbincangan Papan Putih (*Whiteboarding*) dan Mengepam (*Pumping*).

Perbincangan serta mendapatkan respons daripada murid-murid, ini dapat mengasah kebolehan murid untuk berfikir dengan lebih baik lagi. Menurut Bono (1994), sifat kreativiti itu memerlukan keinginan seseorang untuk dicabar serta keinginan untuk mengambil risiko. Beliau menambah bahawa keinginan untuk keluar dari kepompong yang dikelilingi oleh persekitaran yang selamat dapat membantu mencetus kreativiti seseorang.

Salah satu objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini selari dengan apa yang dikongsi oleh Edward De Bono iaitu melahirkan pelajar yang boleh berfikir dengan sendiri. Pada masa yang sama, guru juga ingin murid menerapkan kemahiran berfikir apabila diajukan sebarang soalan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan tentang keberkesanan kajian ini dibentangkan secara kuantitatif, iaitu, berdasarkan prestasi murid dalam ujian Lisan, khususnya bahagian perbualan bagi Peperiksaan Pertengahan Tahun (SA1) dan Peperiksaan Akhir Tahun (SA2). Jadual 2 di bawah menunjukkan pencapaian murid bagi kedua-dua ujian tahunan tersebut.

Jadual 2: Pencapaian Peningkatan Murid Dari SA1 Ke SA2

Pencapaian	Peratusan Murid (%)
Meningkat	46.7
Tiada Perubahan	13.3
Menurun	40

Dapatan kajian menunjukkan bahawa 46.7% murid telah memperoleh peningkatan markah bagi komponen lisan semasa ujian akhir tahun (SA2).



Murid ini meraih antara 1 hingga 4 markah berbanding ujian pertengahan tahun (SA1). Jumlah murid yang tidak menunjukkan peningkatan markah ialah 13.3% sementara 40% murid menunjukkan kemerosotan markah bagi komponen yang sama. Secara keseluruhan, murid didapati lebih yakin dan mampu memberikan respons yang lebih menyeluruh. Kemerosotan markah bagi komponen lisan secara purata ialah 1 hingga 4 markah.

Menerusi dapatan ini, dapat dilihat bahawa perbincangan di dalam kelas telah membantu murid mencapai objektif yang ditetapkan terutama sekali bagi murid yang kurang mahir untuk mengolah respons mereka. Secara keseluruhannya, walaupun peratusan hasil kajian tidak begitu tinggi, tidak bermakna bahawa usaha yang dilaksanakan tidak berjaya. Malahan, murid-murid telah menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam ujian lisan, khususnya, bahagian perbualan. Murid melaporkan bahawa perbincangan yang dikendalikan di dalam kelas amat menyeronokkan. Perbincangan tersebut membantu mereka memperkukuhkan lagi pengetahuan am mereka tentang sesuatu isu semasa selain membantu mereka membuat kaitan yang kukuh apabila bertutur. Ini menunjukkan bahawa pembelajaran secara kolaboratif memang bermanfaat jika dijalankan di dalam kelas secara kerap.

Semasa perbincangan secara kolaboratif, murid diberikan tanggungjawab untuk menghuraikan hujahan mereka tentang topik perbincangan yang diberikan guru. Contohnya, semasa membuat kesimpulan, teman-teman dalam kumpulan akan membantu mereka melakarkan cara yang terbaik untuk menyampaikan hujahan mereka agar lebih berstruktur. Penyampaian idea yang rasional serta menghormati pandangan murid ini selari dengan pendekatan Model Stenhouse. Pendekatan ini dapat membantu murid untuk bekerjasama dan belajar daripada rakan yang lebih mahir bertutur tanpa berasa canggung.

Memandangkan sesi dijalankan pada masa kurikulum, faktor masa merupakan salah satu cabaran utama untuk guru memandangkan masa pelajaran ada kalanya bertembung dengan program sekolah ataupun penilaian formatif. Apabila ini berlaku, murid tidak mampu meneruskan sesi dengan teratur dan baik. Ini bahkan boleh menghambat proses pemikiran murid dan



pemikiran murid mungkin mudah bercelaru. Apabila murid tidak mampu berfikir dengan rasional, ini akan menjejaskan proses pemikiran mereka sekali gus.

Weinberg (2019) menjelaskan bahawa para individu yang bertungkus lumus menyelesaikan masalah yang payah dalam hidup mereka sememangnya terbiasa dengan fenomena bekerja keras untuk mengenal pasti jalan keluar. Pendekatan Model Stenhouse ini merupakan satu keadaan pemikiran yang boleh dijalankan secara tidak langsung di dalam kelas apabila guru sudah mahir dengan pendekatan ini. Topik yang sedia ada boleh digunakan semula untuk kohort murid yang berbeza. Proses pemikiran ini bukan sahaja mampu membantu murid untuk mengecapi kejayaan dalam peperiksaan namun boleh membantu murid dalam jangka masa panjang ketika buntu menghadapi masalah dalam hidup.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini telah mencapai objektifnya, iaitu murid mampu berfikir dengan kritis dengan menggunakan pendekatan Model Stenhouse. Ini ditambah nilai dengan adanya ruang mencukupi yang diberikan kepada mereka untuk menerapkan kemahiran berfikir dengan baik dalam memberikan hujahan mereka. Topik-topik perbincangan yang diberikan juga membantu mereka sekaligus menjadi rakyat yang peka terhadap perkara-perkara yang berlaku di sekitar mereka.

Sesi ini perlu dijalankan di luar masa kurikulum kerana cara ini akan membuat murid-murid lebih fokus serta terlatih dengan pendekatan yang berstruktur ini. Seterusnya, murid-murid boleh diberikan soalan-soalan panduan terlebih dahulu untuk beberapa sesi agar mereka dapat membuat persiapan dan membiasakan diri dengan kaedah ini. Apabila murid sudah terbiasa, proses pemikiran kritis itu dapat dilaksanakan dengan berkesan dan baik. Sesi ini juga digalakkan untuk berjalan lebih dari setahun untuk kohort yang sama agar murid dapat meraih manfaat daripada pendekatan Model Stenhouse ini.



Bagi memastikan projek ini berjalan dengan baik, guru harus mengambil kelas tersebut selama dua tahun agar dapat memantau prestasi murid dengan lebih terperinci lagi. Apabila murid sudah terbiasa dengan pendekatan Model Stenhouse bersama guru yang sama, murid akan lebih selesa dan ini akan merangsang mereka untuk melakukan yang terbaik untuk setiap perbincangan.

Pendekatan ini akan diteruskan oleh para pengkaji memandangkan mereka sudah mahir dengan cara setiap sesi dijalankan. Bagi masa hadapan, lebih banyak kelas akan dipertimbangkan untuk sesi tersebut agar lebih ramai murid dapat meraih manfaat daripada pendekatan Model Stenhouse.

Guru yang terlibat dalam kajian:

1. Mulyati Zailani
2. Arni Johan
3. Juhaidah Mohd Amin

RUJUKAN

Amalan Pengajaran Singapura (Singapore Teaching Practice). (2018). Singapore: Pusat Bahasa Melayu Singapura (Malay Language Centre of Singapore), Akademi Guru Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura.

Bailey, S., & Black, O. (2016). *Mind gym: Achieve more by thinking differently*. New York: Harperbusiness

Bono, E. D. (1994). *Parallel thinking: From Socratic to de Bono thinking*. London: Vermilion.

Bono, E. D. (1998). *Simplicity*. Penguin Books.

Chatfield, T. (2018). *Critical thinking: Tom Chatfield*. Thousand Oaks, CA: SAGE Publications.

Jacobs, A. (2017). *How to think: A guide for the perplexed*. London: Profile Books.



- Livio, M. (2017). *Why? What makes us curious*. New York: Simon & Schuster Paperbacks.
- Nisbett, R. E. (2003). *The geography of thought: How Asians and Westerners think differently*. London: Nicholas Brealey Publishing.
- REICH, B. (2017). *IMAGINATION GAP: Stop thinking the way you should and start making extraordinary things happen*. Place of publication not identified: EMERALD Group PUBL.
- Stenhouse, L. (1969). Handling controversial issues in the classroom. *Education Canada*, 1-4.
- Thorpe, S. (2015). *How to think like Einstein: Simple ways to break the rules and discover your hidden genius*. Naperville, IL: Sourcebooks.
- Weinberg, G. (2019). *Super Thinking: The Big Book of Mental Models*. PORTFOLIO.

